



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
TERENGGANU**
TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN
20576 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU DARUL IMAN



Tel: 09-623 1957 samb. 6335 - 6343 / 6411 - 6424
Faks: 09-622 9887 / 09-631 0078
Laman Web: <http://ptgweb.terengganu.gov.my>
Emel: plglrg@terengganu.gov.my

PTG.TR. G/05/1998/06/05 - (17)

Bertarikh: 13 Disember 2020
Bersamaan: 27 Rabiulakhir 1442

Pentadbir Tanah
Kuala Terengganu.

Pentadbir Tanah
Kemaman.

Pentadbir Tanah
Dungun.

Pentadbir Tanah
Besut.

Pentadbir Tanah
Hulu Terengganu.

Pentadbir Tanah
Marang.

Pentadbir Tanah
Setiu.

Pentadbir Tanah
Kuala Nerus.

Tuan,

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL.8 / 2020

**PENYERAGAMAN KADAR PREMIUM NOMINAL BAGI SEMUA PERMOHONAN
TANAH OLEH INDIVIDU YANG DIGOLONGKAN DALAM KATEGORI RAKYAT
TERMISKIN (SENARAI e-KASIH) DAN PENERIMA BANTUAN BULANAN
DARIPADA JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

...2/

PROFESIONAL, TOLERANSI DAN GEMILANG TERAS KEJAYAAN



Beautiful
Terengganu
Malaysia

1. TUJUAN

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah berhubung dengan penyeragaman kadar premium nominal yang dikenakan bagi semua Permohonan Tanah Kerajaan oleh individu yang digolongkan dalam kategori Rakyat Termiskin (Senarai e-Kasih) dan penerima bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Dasar Tanah Negeri Tahun 2013 (Keputusan MMKN dalam Mesyuarat Kali Ke-17 Tahun 2013 bertarikh 05 Jun 2013) memperuntukkan premium secara **nominal dengan kadar RM100.00 satu lot** dikenakan bagi semua permohonan tanah kerajaan yang dimohon oleh individu yang digolongkan dalam kategori Rakyat Termiskin (Senarai e-Kasih).

- 2.2. Walau bagaimanapun MMKN dalam Mesyuarat Kali Ke-13 Tahun 2019 pada 24 April 2019 telah menimbang semula Kertas Mesyuarat Kertas Bil.405/2019 dan **bersetuju** dengan Kertas **Cadangan Pindaan Terhadap Syarat-Syarat Bagi Permohonan Tanah Haram Dalam Dasar Tanah Negeri Terengganu Tahun 2013**. Di antara syarat pindaan yang telah dipersetujui bahawa kadar premium **nominal RM1,000.00** dikenakan kepada individu yang digolongkan dalam kategori Rakyat Termiskin (Senarai e-Kasih) atau **berdaftar sebagai penerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**.

- 2.3. Berikut daripada pindaan ini menyebabkan timbul kekeliruan disebabkan kini terdapat dua (2) kadar nominal yang dikenakan bagi permohonan tanah oleh individu yang melibatkan golongan berkenaan dalam Dasar Tanah Negeri iaitu:-
- i) RM100.00 (Nominal) bagi permohonan tanah biasa (termasuk permohonan dalam Rancangan Tanah Berkelompok).
 - ii) RM1,000.00 (Nominal) bagi permohonan di bawah Dasar Tanah Haram.
- 2.4. Perkara ini telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Pentadbir Tanah Negeri Terengganu Kali Ke-3/2020 yang diadakan pada 25 Ogos 2020. Mesyuarat telah mencadangkan supaya kadar tersebut dapat diseragamkan dan Kertas Cadangan mengenainya hendaklah disediakan oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu (PTG) bagi diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).
- 2.5. Dasar Tanah Negeri Tahun 2013 memperuntukkan premium secara nominal dikenakan bagi semua permohonan tanah kerajaan yang dimohon oleh **hanya** individu yang digolongkan dalam kategori Rakyat Termiskin (Senarai e-Kasih). Namun begitu MMKN dalam Mesyuarat Kali Ke-13 Tahun 2019 pada 24 April 2019 telah **ersetuju** kadar tersebut juga boleh diterimapakai bagi pemohon yang berdaftar sebagai penerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang memohon tanah di bawah Dasar Tanah Haram. Hal yang demikian Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu berpendapat pelaksanaannya **perlu dipraktikkan secara menyeluruh yakni termasuk yang melibatkan Permohonan Tanah Biasa.**

- 2.6. Bagi tujuan mendapat input, pandangan serta maklumat yang lebih jelas dan terperinci mengenai kriteria yang sepatutnya ada terhadap golongan yang sewajarnya diberi premium pada kadar nominal maka perbincangan telah diadakan dengan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pejabat Pembangunan Negeri Terengganu.

3. PELAKSANAAN

MMKN melalui Keputusan Mesyuarat Kertas Bil.1109/2020 bertarikh 02 Disember 2020 telah **bersetuju** sebagaimana ketetapan seperti berikut :-

- 3.1. Kadar premium tanah nominal yang dikenakan bagi **semua permohonan tanah oleh individu (Permohonan Tanah Biasa, Tanah Haram dan Rancangan Tanah Berkelompok)** sebagaimana yang diperuntukkan dalam Dasar Tanah Negeri Tahun 2013 **dipinda** daripada RM100.00 satu lot kepada **RM1,000.00 satu lot**.
- 3.2. Individu / pemohon yang layak dipertimbangkan kadar premium tanah nominal sebagaimana di Para 3.1 di atas adalah :-
 - i) Hendaklah berdaftar dengan e-Kasih dan **disahkan termasuk dalam kategori miskin sahaja**.
 - ii) **Pasangan (suami/isteri) pemohon** hendaklah berdaftar dengan e-Kasih dan **disahkan termasuk dalam kategori miskin sahaja**.
 - iii) Individu yang merupakan **Penerima Bantuan Bulanan** Jabatan Kebajikan Masyarakat.
 - iv) **Pasangan (suami/isteri)** pemohon merupakan **Penerima Bantuan Bulanan** Jabatan Kebajikan Masyarakat.

- 3.3. Pengesahan bagi menentukan kesahihan maklumat individu di Para 3.2 (i) dan 3.2 (ii) hendaklah dibuat melalui Portal Pembasmian Kemiskinan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri.
- 3.4. Individu / pemohon di Para 3.2 (iii) dan 3.2 (iv) hendaklah mendapatkan surat pengesahan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah bagi membuktikan kesahihan bahawa mereka adalah merupakan Penerima Bantuan Bulanan dan surat tersebut hendaklah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah yang berkaitan sebagai dokumen sokongan.
- 3.5. Pentadbir Tanah diperturunkan kuasa untuk **meluluskan rayuan pengurangan premium kepada kadar premium nominal** daripada individu yang telah diluluskan permohonan tanah oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tetapi **belum menjelaskan tuntutan Notis Borang 5A** bagi mengurangkan kadar premium tanah pada kadar Nominal RM1,000.00 satu lot yang melibatkan pemohon di Para 3.2 (i), 3.2 (ii), 3.2 (iii) dan 3.2 (iv) di atas. Setelah mendapat perakuan dan sokongan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Daerah (JKTD).
- 3.6. Sekiranya terdapat kekeliruan dalam mengesahkan tahap kemiskinan bagi individu atau pemohon yang berdaftar melalui e-Kasih, Pentadbir Tanah hendaklah mendapatkan pengesahan / pengesyoran daripada Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu terlebih dahulu sebelum ianya dibawa ke Mesyuarat JKTD untuk mendapat perakuan dan sokongan.

4. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

Arahan ini hendaklah digunakan di seluruh Pejabat-Pejabat Tanah dalam Negeri Terengganu **berkuatkuasa** daripada tarikh arahan ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“ TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA ”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,


(TENGKU SERI BIJAYA RAJA)

Pengarah Tanah dan Galian,

Terengganu.

s.k.

Yang Berhormat
Setiausaha Kerajaan Negeri
TERENGGANU

Pegawai Kemajuan Negeri
Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Terengganu
Tingkat 10, Wisma Darul Iman
20503 Kuala Terengganu

Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
(Hakmilik Strata)
TERENGGANU

Pegawai Undang-Undang
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
TERENGGANU

) Fail PTG.TR.00/12/1994/05/01(S)

 09-6276334

 azlan_mohamad@terengganu.gov.my

ARAHAN PTG BIL.8 TAHUN 2020 pendrive) - 09/12/2020



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
TERENGGANU**
TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN
20576 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU DARUL IMAN



Tel: 09-623 1957 samb. 6335 - 6343 / 6411 - 6424
Faks: 09-622 9887 / 09-631 0078
Laman Web: <http://ptgweb.terengganu.gov.my>
Emel: ptgrtg@terengganu.gov.my

PTG.TR.G/05/1998/06/05 - (18)

Bertarikh : 21 Mac 2021

Bersamaan : 01 Syaaban 1442

Pentadbir Tanah
Kuala Terengganu.

Pentadbir Tanah
Kemaman.

Pentadbir Tanah
Dungun.

Pentadbir Tanah
Besut.

Pentadbir Tanah
Hulu Terengganu.

Pentadbir Tanah
Marang.

Pentadbir Tanah
Kuala Nerus.

Tuan,

**PINDAAN PADA PARA 3.5 DALAM ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU BIL.8 / 2020 MENGENAI PENYERAGAMAN KADAR PREMIUM
NOMINAL BAGI SEMUA PERMOHONAN TANAH OLEH INDIVIDU YANG
DIGOLONGKAN DALAM KATEGORI RAKYAT TERMISKIN (SENARAI e-KASIH)
DAN PENERIMA BANTUAN BULANAN DARIPADA JABATAN KEBAJIKAN
MASYARAKAT**

Di hantar pada 21.3.2021

Tandatangan.....

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Korani Despatch
Pejabat Pengarah Tanah & Galian
Terengganu

...2/

PROFESIONAL, TOLERANSI DAN GEMILANG TERAS KEJAYAAN



Beautiful
Terengganu
Malaysia

2. Sukacita dimaklumkan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Terengganu Bil.8/2020 telah dikeluarkan melalui surat jabatan ini kandungan (17) dalam siri yang sama bertarikh 13 Disember 2020 dan mula berkuatkuasa pada tarikh yang sama.
3. Walau bagaimanapun setelah dibuat **penelitian semula** didapati kaedah pelaksanaan di **Perenggan 3.5 dalam Arahan berkenaan** perlu dibuat lebih perincian bagi mematuhi ketetapan Peraturan 7 dalam Peraturan Tanah Terengganu,1966 bertujuan untuk melancarkan kaedah pelaksanaan penurunan kuasa kepada Pentadbir Tanah.
4. Ini adalah kerana bagi setiap permohonan tanah kerajaan yang telah diluluskan, tempoh bayaran Notis Borang 5A perlu dijelaskan adalah **selama tiga (3) bulan termasuk tempoh penyambungan tidak lebih tiga (3) bulan** lagi tertakluk kepada kelulusan Pentadbir Tanah sebagaimana yang diperuntukkan dalam **Peraturan 7, Peraturan Tanah Terengganu, 1966**. Sekiranya bayaran **tidak dijelaskan** dalam tempoh tersebut maka kelulusan permohonan tersebut akan **terbatal dengan sendirinya**. Pemohon perlu mengemukakan semula permohonan (Jadual 1) dan seterusnya akan diangkat semula bagi pertimbangan/kelulusan MMKN.
5. Hal yang demikian sekiranya rayuan pengurangan premium **diluluskan** oleh Pentadbir Tanah (setelah mendapat perakuan dan sokongan Jawatankuasa Tanah Daerah (JKTD) semasa **masih dalam tempoh sah** Notis Borang 5A maka Pentadbir Tanah hendaklah **membatalkan notis yang dikeluarkan sebelum ini** dan seterusnya mengeluarkan notis yang baharu disebabkan terdapat pindaan pada kadar premium.

6. Manakala sekiranya rayuan pengurangan premium **diluluskan** oleh Pentadbir Tanah (setelah mendapat perakuan dan sokongan JKTD) **setelah berakhirnya tempoh sah** Notis Borang 5A maka kelulusan baharu bagi permohonan tersebut oleh MMKN perlu diperolehi terlebih dahulu setelah pemohon mengemukakan semula permohonan (Jadual 1). Justeru itu dalam kes sebegini, adalah disyorkan supaya MMKN turut **menurunkan kuasa** kepada Pentadbir Tanah bagi meluluskan semula permohonan berkenaan dengan dikenakan bayaran dan syarat-syarat yang sama sebagaimana kelulusan MMKN terdahulu **kecuali** kadar premium hanya dikenakan pada **kadar nominal RM1,000.00 satu lot**.

7. Rang Kertas mengeninya telah diangkat bagi pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan **telah dipersetujui lulus** melalui Keputusan Mesyuarat Kertas Bil.289B/2021 (Agenda 39) bertarikh 03 Mac 2021.

8. Susulan daripada Keputusan MMKN di Perenggan 7, maka adalah dipersetujui bahawa **Para 3.5** dalam Arahan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu Bil.8/2020 **dibuat pindaan** seperti berikut ;-

3.5. Pentadbir Tanah diperturunkan kuasa untuk meluluskan rayuan pengurangan premium pada kadar nominal daripada individu yang telah diluluskan permohonan tanah oleh MMKN tetapi belum menjelaskan tuntutan Notis Borang 5A bagi mengurangkan kadar premium tanah pada kadar nominal RM1,000.00 satu lot yang melibatkan pemohon di Para 3.2(i), 3.2(ii), 3.2(iii) dan 3.2(iv) di atas setelah mendapat perakuan dan sokongan Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Daerah (JKTD) dengan kaedah pelaksanaan diperincikan sebagaimana di bawah; -

- (i) Sekiranya rayuan pengurangan premium **diluluskan** oleh Pentadbir Tanah (setelah mendapat perakuan dan sokongan JKTD) semasa masih dalam tempoh sah Notis Borang 5A maka Pentadbir Tanah hendaklah **membatalkan notis yang dikeluarkan sebelum ini** dan seterusnya mengeluarkan Notis Borang 5A yang baharu.
- (ii) Sekiranya rayuan pengurangan premium **diluluskan** oleh Pentadbir Tanah (setelah mendapat perakuan dan sokongan JKTD) **setelah berakhirnya tempoh sah** Notis Borang 5A maka pemohon perlu mengemukakan semula permohonan (Jadual 1) dan seterusnya MMKN **bersetuju** Pentadbir Tanah turut **diperturunkan kuasa untuk meluluskan semula** permohonan berkenaan dengan dikenakan bayaran dan syarat-syarat yang sama sebagaimana kelulusan MMKN terdahulu **kecuali** kadar premium hanya dikenakan pada **kadar nominal RM1,000.00** satu lot.

Sekian, terima kasih.

“ TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA ”

“ PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID -19 ”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,


(TENGKU SERI BIJAYA RAJA)

Pengarah Tanah dan Galian,

Terengganu.

...5/

s.k.

Yang Berhormat
Setiausaha Kerajaan Negeri
TERENGGANU

Pegawai Kemajuan Negeri
Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Terengganu
Tingkat 10, Wisma Darul Iman
20503 Kuala Terengganu

Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu\\
Tingkat 1, Wisma Negeri
Jalan Pejabat
20564 Kuala Terengganu

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,
(Khidmat Pengurusan)
TERENGGANU

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,
(Pendaftaran)
TERENGGANU

Ketua Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
(Pendaftaran dan Hakmilik)
TERENGGANU

Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
(Pelupusan Tanah / Galian)

TERENGGANU

Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
(Hasil)

TERENGGANU

Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
(Penguatkuasaan dan Teknikal)

TERENGGANU

Penolong Pengarah Tanah dan Galian,
(Hakmilik Strata)

TERENGGANU

Pegawai Undang-Undang
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
TERENGGANU

Fail PTG.TR.00/12/1994/05/01(S)



09-6276334



azlan_mohamad@terengganu.gov.my

PINDAAN ARAHAN PTG BIL.8 TAHUN 2020 pendrive) - 16/03/2021